

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – Bisnes – 7 Oktober, 2013 (A)

Dunia terima kesan penutupan operasi AS



RITA BENOY
BUSHON

» Negara perlu ambil tindakan tegas tangani ketidaktentuan ekonomi

Penutupan operasi kerajaan Amerika Syarikat (AS) boleh memberikan pelbagai kesan kepada ekonomi dunia dalam pasaran ekuiti, bon mahupun dari segi keyakinan dalam perniagaan.

Ia bergantung sama ada keadaan itu akan berlarutan atau hanya terbatas di AS saja. Pasaran di Asia nam-paknya menerima perkembangan berkenaan berdasarkan pergerakan pasaran yang tidak begitu ketara sejak beberapa hari yang lalu.

Ini mungkin disebabkan pelabur percaya keadaan itu hanyalah sementara dan tidak begitu berbeza dengan situasi yang pernah berlaku 17 tahun lalu pada 1996 yang mana operasi kerajaan AS telah ditutup selama 21 hari.

Dengan demikian, pelabur yakin bahawa satu jalan penyelesaian boleh dicapai dalam masa yang singkat.

Namun, isu hutang yang semakin meningkat dan penutupan ope-

rasi kerajaan yang berlaku di AS boleh memberikan pengajaran kepada kita untuk berjimat dan berwaspada dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

Masih berkaitan senario antara-bangsa, pelancaran zon bebas pernia-

gaan di Shanghai, China telah diterima baik oleh pelabur antarabangsa.

Walaupun masih menjadi medan ujian bagi polisi berunsur pasaran bebas di China, ia mewujudkan potensi kepada rakan dagang China

“Isu hutang semakin meningkat, penutupan operasi kerajaan yang berlaku di AS beri pengajaran kepada kita untuk berjimat dan berwaspada”

seperti Malaysia jika berjalan lancar.

Ini lebih-lebih lagi dengan kun-jungan julung kali Presiden China ke Malaysia untuk mempromosi-kan kerjasama ekonomi dua hala yang dijangkakan dapat mengem-bangkan pasaran modal negara ini.

Berkaitan pengundian secara ‘poll’ yang baru diperkenalkan di Singapura, kami dapat bahawa dalam mesyuarat agung tahunan salah sebuah syarikat tersenarai di Malay-sia, pengurus syarikat telah menggu-nakan kuasanya untuk melaksana-nkan pengundian secara ‘poll’.

Pemegang saham minoriti

Ini berlaku apabila resolusi untuk meluluskan yuran pengarah telah ditolak oleh pemegang saham mino-riti melalui pengundian secara men-gangkat tangan kerana syarikat ber-kenaan telah mengalami kerugian dalam empat daripada lima tahun yang lalu.

Resolusi berkenaan diluluskan secara ‘poll’ oleh pemegang saham majoritinya.

Ini adalah contoh tipikal bagaimana pemegang saham minoriti boleh diketepikan dengan mudah oleh pemegang saham majoriti yang mempunyai kawalan pegan-gan dalam syarikat jika pengundian dilaksanakan secara ‘poll’.

Ia boleh secara mudahnya mengetepikan suara minoriti yang mempunyai hujah yang munasa-bah. Untuk menangani isu seperti ini terutama di negara Asia yang mempunyai struktur pemegangan saham yang mempunyai tumpuan yang tinggi, kelulusan tambahan dari segi jumlah bilangan perlu dipertimbangkan bagi resolusi subst-tif sebagai permulaan.

Akhir sekali, Belanjawan 2014 kini menjadi tumpuan. Berdasarkan tindakan awal kerajaan mengurangkan subsidi minyak dan menaikkan cukai tembakau, kami menjangkakan lebih banyak peru-bahan fiskal akan diumumkan pada 25 Oktober ini.

Setiap langkah yang diumumkan pasti akan ditafsirkan dalam konteks kedudukan fiskal dan unjur-an kredit Malaysia.

Jika tindakan yang tegas tidak diambil untuk menangani perbel-anjaan negara seperti rasionalisasi subsidi, perbelanjaan yang berhe-mah dan asas cukai yang lebih luas, ia boleh dilihat sebagai tidak mena-gani isu ekonomi negara.

Penulis ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Bhd (MSWG)